

CNS5597

U GB 20-07 00201 BB254

aab

Asean - Perdagangan '''

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Asean hari ini bersetuju menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) menjelang tahun 2000 bagi memudahkan urusan perdagangan sesama mereka.

Menteri-menteri Luar Asean yang mengakhiri mesyuarat tahunan mereka di sini hari ini, bersetuju terhadap penubuhan kawasan itu yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Thai Anand Panyarachun, bagi mempertingkatkan perdagangan sesama Asean yang sebelum ini di tahap yang kurang memuaskan kerana halangan tarif dan bukan tarif.

Semasa merasmikan persidangan itu semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asean tidak harus lagi melambat-lambatkan usaha mempertingkatkan perdagangan sesama mereka yang kini meliputi cuma 20 peratus daripada jumlah dagangannya.

Kejayaan yang dicapai dalam hal ini pada mesyuarat di sini bukan saja kerana Asean menetapkan tempoh masa bagi penubuhan FTA, iaitu menjelang akhir abad ini, tetapi juga daripada sokongan yang diberikan oleh Indonesia. Selama ini, keengganan Indonesia untuk membuka pasarannya -- yang terbesar di kalangan negara Asean -- merupakan halangan utama kepada perdagangan yang lebih bebas di rantau ini.

Menteri Luar Indonesia Ali Alatas memberitahu persidangan akhbar di akhir mesyuarat hari ini, negaranya kini bersedia untuk FTA dan telahpun mengambil langkah-langkah menghapuskan halangan-halangan itu. -- Lagi

♥20/07/20-31MST

CNS5614

U GB 20-07 00174 BB257

aab

Asean - Perdagangan 2 Kuala Lumpur '''

Kepada soalan sama ada Indonesia, yang dianggap pasaran yang sukar ditembusi, akan membenarkan kemasukan secara bebas barangan dari negara Asean yang lain, Encik Alatas berkata bagi Indonesia itu adalah soal masa.

Katanya masa yang lama diperlukan untuk mewujudkan peraturan-peraturan berhubung perdagangan istimewa seperti yang dikehendaki oleh FTA.

+Ianya satu persoalan yang berkisar kepada setiap negara membuat keputusan berdasarkan kepada perkiraan dan kemampuan sendiri. Bagi Indonesia, ya...kami merupakan negara dengan penduduk paling ramai dan demikian itu, menjadi pasaran terbesar di Asean. Ya...kami perlu mengambil kira tahap pembangunan kami yang rendah...Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita dan bukan KDNK secara keseluruhan,+ kata beliau.

Bagaimanapun, menurut Encik Alatas, sejak setahun lepas Indonesia telah mengambil langkah-langkah membuka pasarannya menerusi kelonggaran syarat, mengurangkan karenah birokrasi selain membaiki sistem bank, komunikasi, perdagangan dan kastamnya.

Menteri Luar Thai Arsa Sarasin pula berkata langkah menetapkan masa bagi penubuhan FTA sangat bermakna, dan beliau gembira cadangan itu mendapat sokongan bulat.

Encik Arsa berkata konsep dan bentuk FTA sedang dirangka.

Katanya satu kertas kerja mengenainya dijangka dibentangkan pada mesyuarat menteri-menteri ekonomi Asean Oktober ini.

< Menteri-menteri berkenaan akan mengemukakan cadangan mereka ke Sidang Kemuncak Asean di Singapura Januari tahun depan. -- Bernama

♥20/07/21-16MST